



KASTAM DIRAJA MALAYSIA

PANDUAN PENYATA DAN PEMBAYARAN LEVI PELEPASAN

Penerbitan

Tarikh diterbitkan: 15 Ogos 2019.

Notis Hak Cipta

Hak cipta 2019 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Hak cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hak Cipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya dengan terbitnya suatu panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini dibenarkan untuk diterbitkan semula, disimpan di dalam sistem perolehan kembali atau dipanjangkan dalam apa jua bentuk termasuk di dalam laman web untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam penghasilan semula atau pemetikan kandungan, perakuan sumber diperlukan.

Penolakan Tuntutan

Maklumat ini bertujuan memberi kefahaman umum tentang layanan berkenaan Levi Pelepasan dan memberi pemahaman yang lebih baik tentang kewajipan pembayar cukai. Ia bukannya bertujuan untuk mengemukakan pelbagai permasalahan percukaian yang mungkin timbul. Walaupun JKDM telah mengambil semua inisiatif bagi memastikan maklumat yang terkandung dalam Panduan ini adalah tepat, JKDM tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesilapan dan ketidaktepatan atau sebarang kerugian kewangan atau lain-lain yang ditanggung oleh individu yang menggunakan maklumat daripada Panduan ini. Kesemua maklumat adalah terkini pada masa penyediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

ISI KANDUNGAN

PENDAHULUAN.....	3
LEVI PELEPASAN SECARA UMUM.....	3
PENYATA LEVI PELEPASAN.....	3
PENGEMUKAAN PENYATA & PEMBAYARAN LEVI PELEPASAN.....	4
KAEDAH PENGHANTARAN PENYATA DL-02 DAN PEMBAYARAN.....	7
PEMBETULAN PENYATA.....	8
PEMBAYARAN LEVI PELEPASAN, PENALTI, KOMPAUN DAN LAIN-LAIN PEMBAYARAN.....	10
KUASA MENTAKSIR.....	11
KOMPAUN.....	12
PENALTI LEWAT BAYAR.....	12
SOALAN LAZIM.....	14
MAKLUM BALAS DAN PERTANYAAN.....	16
MAKLUMAT LANJUT.....	16

PENDAHULUAN

1. Panduan ini menyediakan maklumat berkaitan keperluan dan prosedur untuk mengikrar penyata DL-02 dan membuat pembayaran levi pelepasan di bawah Akta Levi Pelepasan 2019.

LEVI PELEPASAN SECARA UMUM

2. Di bawah Akta Levi Pelepasan 2019, levi pelepasan adalah levi yang dikenakan kepada orang yang ke luar negara dengan menggunakan mod laluan udara sahaja kerana pengecualian diberikan kepada mod pengangkutan lain berdasarkan kepada kuasa yang diberikan kepada Menteri Kewangan.
3. Mana-mana pengendali penerbangan udara adalah bertanggungjawab untuk berdaftar sebagai orang berdaftar tidak kurang daripada 30 hari sebelum tarikh permulaan operasi bagi membawa mana-mana orang meninggalkan Malaysia ke luar negara.
4. Mana-mana pengendali asing yang tidak mempunyai establismen di Malaysia, maka pengendali asing tersebut adalah diwajibkan melantik ejen sebagai wakil bagi pihaknya di bawah Akta ini.
5. Setiap orang berdaftar perlu mengenakan kadar levi pelepasan yang ditetapkan di dalam tiket atau invois atau apa-apa dokumen kepada mana-mana orang yang meninggalkan Malaysia ke luar negara.

PENYATA LEVI PELEPASAN

6. Seksyen 19, Akta Levi Pelepasan 2019 menetapkan bahawa setiap orang berdaftar hendaklah mengakaunkan levi pelepasan yang genap masa dalam suatu penyata mengikut tempoh penyata yang ditetapkan.

7. Penyata itu hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah tidak lewat daripada hari terakhir bulan berikutnya selepas berakhirnya tempoh penyata yang berhubungan dengan penyata itu dengan menggunakan Penyata DL-02 secara elektronik di portal MyDLv. Tempoh penyata secara bulanan yang mana setiap orang berdaftar perlu mengemukakan penyata sebanyak 12 kali dalam tempoh 12 bulan.
8. Orang berdaftar hendaklah mengisi semua butiran yang diperlukan di dalam penyata DL-02 dan hendaklah diperakukan yang benar, tepat dan lengkap.
9. Tempoh penyata yang pertama akan bermula dari tarikh orang berdaftar sepatutnya berdaftar dan berakhir pada hari terakhir bulan berikutnya. Tempoh penyata seterusnya hendaklah suatu tempoh selama 1 bulan yang berakhir pada hari terakhir mana-mana bulan dalam mana-mana tahun kalendar.

PENGEMUKAAN PENYATA & PEMBAYARAN LEVI PELEPASAN

10. Setiap orang yang telah berdaftar di bawah Seksyen 13, Akta Levi Pelepasan 2019 adalah bertanggungjawab untuk mengemukakan penyata DL-02 mengikut Seksyen 19, Akta yang sama.
11. Setiap orang berdaftar hendaklah **mengakaunkan levi pelepasan yang telah genap masa** dalam penyata mengikut tempoh yang ditetapkan dalam borang DL-02 secara elektronik di portal MyDLv www.MyDLv.customs.gov.my.
12. Orang berdaftar hendaklah mengikrar jumlah orang yang meninggalkan Malaysia ke luar negara berdasarkan kadar levi pelepasan mengikut destinasi dan kelas yang ditetapkan di bawah Akta ini di dalam Penyata DL-02.

Contoh 1

AA Airlines telah membawa penumpang daripada KLIA2 ke luar negara seramai 3,400,000 orang (termasuk 800 krew kabin dan 200,000 di bawah

pengecualian Jadual Pertama Perintah Levi Pelepasan (Pengecualian) 2019) pada bulan Oktober 2020 yang mana 2,800,000 orang ke negara ASEAN dan selebihnya ke destinasi negara selain ASEAN. Berdasarkan data tersebut, seramai 100,000 orang yang dikecualikan daripada membayar levi ke negara ASEAN dan selebihnya ke destinasi selain ASEAN.

Pihak AA Airlines perlu merekod di Butiran 4 Penyata DL-02 bagi tempoh penyata Oktober 2020 adalah seperti berikut :

Penyata Bulan Oktober 2020

Negara	Jumlah Orang Yang dibawa keluar Malaysia	Jumlah Orang Yang Dikecualikan Levi
ASEAN	2,800,000	100,000
Selain ASEAN	600,000	100,800
Jumlah	3,400,000	200,800

Contoh 2

Malaysia Airlines telah membawa penumpang daripada KLIA ke luar negara seramai 2,400,000 orang pada bulan Februari 2020 yang mana 1,400,000 orang ke negara ASEAN dan selebihnya ke destinasi negara selain ASEAN. Berdasarkan data tersebut, 1,000,000 penumpang menggunakan kelas ekonomi ke negara ASEAN dan 800,000 penumpang menggunakan kelas ekonomi ke negara selain ASEAN. Pihak Malaysia Airlines perlu mengikrar penyata levi DL-02 di dalam portal MyDLv dan membayarnya bagi bulan Februari 2020 sebelum 31 Mac 2020 mengikut kadar levi pelepasan yang ditetapkan.

Malaysia Airlines perlu mengakaunkan levi pada Penyata DL-01 bagi tempoh penyata Februari 2020 adalah seperti berikut :

Penyata Bulan Februari 2020

<i>Kelas</i>	<i>ASEAN</i>	<i>Selain ASEAN</i>
<i>Selain Ekonomi</i>	<i>400,000</i>	<i>200,000</i>
<i>Ekonomi</i>	<i>1,000,000</i>	<i>800,000</i>

<i>Amaun Levi Pelepasan Kena Bayar (RM) (Butiran 5 (b) + (c))</i>	<i>(400,000xRM50) + (1,000,000xRM8) + (200,000xRM150) + (800,000xRM20) = RM74,000,000</i> <i>* Dikira secara automatik oleh sistem</i>
---	--

13. Jumlah levi pelepasan yang kena dibayar hendaklah diisytiharkan dalam Ringgit Malaysia.
14. Orang berdaftar hendaklah mengemukakan penyata kepada Ketua Pengarah tidak lewat daripada hari terakhir bulan berikutnya selepas berakhirnya tempoh penyata yang ditetapkan. Jika hari terakhir jatuh pada cuti umum atau hari minggu, maka hari terakhir mengemukakan penyata adalah hari bekerja berikutnya.
15. Setiap orang berdaftar yang terhenti daripada bertanggung untuk berdaftar di bawah seksyen 16, Akta Levi Pelepasan Cukai 2019, hendaklah mengemukakan penyata akhir tidak lewat daripada tiga puluh hari selepas terhenti menjadi orang berdaftar atau tarikh lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.
16. Sekiranya orang berdaftar tidak mengenakan dan mengutip levi pelepasan kepada penumpang yang ke luar negara sama ada sebahagian levi atau keseluruhan levi yang ditetapkan, orang berdaftar hendaklah **bertanggung** dan mengakaunkan kadar levi yang ditetapkan di dalam penyata.
17. Jika orang berdaftar tidak menyediakan apa-apa perkhidmatan pengangkutan udara bagi tempoh penyata tersebut, pihak orang berdaftar masih perlu untuk

mengemukakan penyata kepada Ketua Pengarah bagi tempoh tersebut. Penyata DL-02 melalui portal MyDLv perlu dikemukakan dengan mengisi “0” pada Butiran 4 dan 5 dalam Penyata DL-02 dan perlu dikemukakan kepada Ketua Pengarah pada atau sebelum berakhirnya tempoh penyerahan penyata berkenaan.

18. Setiap orang berdaftar yang gagal mengemukakan penyata DL-02 adalah melakukan kesalahan di bawah seksyen 19 (4), Akta Levi Pelepasan 2019 dan boleh didakwa di mahkamah, didenda sehingga maksimum RM500,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya.

KAEDAH PENGHANTARAN PENYATA DL-02 DAN PEMBAYARAN

19. Orang berdaftar perlu mengemukakan penyata DL-02 melalui perkhidmatan elektronik MyDLv kepada Ketua Pengarah. Setiap penyata yang dihantar mestilah yang benar, tepat dan lengkap.
20. Orang berdaftar hendaklah mengemukakan penyata DL-02 mengikut tempoh penyata yang ditetapkan iaitu secara bulanan kepada Ketua Pengarah. Kaedah untuk mengemukakan penyata DL-02 hendaklah dibuat melalui elektronik iaitu melalui portal MyDLv dengan memasukkan **ID pengguna** dan **kata laluan**. Seterusnya pengendali boleh melengkapkan penyata DL-02 dan menyerahkannya (*submit*) secara atas talian. [Rujuk Panduan Mengisi Penyata DL-02 dan Bayaran].
21. Penyata yang dikemukakan di atas talian adalah dianggap telah diterima oleh Ketua Pengarah apabila sistem telah menjana nombor pendaftaran penyata dan notis pengesahan dihantar kepada orang berdaftar.

PEMBETULAN PENYATA

22. Jika ada pembetulan kesilapan yang perlu dibuat dalam mana-mana penyata yang telah dikemukakan, orang berdaftar boleh membuat pembetulan berkaitan dengan penyata semasa di mana ianya masih dalam tempoh yang ditetapkan iaitu tidak lewat daripada hari terakhir bulan berikutnya, pembetulan hendaklah dibuat dalam penyata semasa dan dikemukakan semula.
23. Ketetapan pindaan penyata DL-02 adalah seperti berikut:-
- a) Penyata yang telah dihantar dan dibayar sepenuhnya sebelum tarikh terakhir pengemukaan penyata tidak dibenarkan untuk membuat pindaan ke atas penyata tersebut. Walaubagaimanapun orang berdaftar diluluskan secara automatik (*auto approved by system*) bagi sebarang pindaan penyata yang melibatkan penambahan jumlah levi pelepasan kena dibayar dan supplement penyata bagi tujuan tersebut akan dijana oleh sistem MyDLv.
 - b) Bagi penyata yang telah dikemukakan sebelum tarikh terakhir pengemukaan penyata tetapi bayaran masih belum dibayar sepenuhnya dan pindaan ke atas penyata dibuat selepas tempoh tarikh terakhir pengemukaan penyata, orang berdaftar boleh dikompaun di atas kesalahan menghantar penyata yang tidak betul dan penalti juga akan dikenakan ke atas bagi amaun yang masih belum bayar sepertimana dinyatakan dalam seksyen 20(2) Akta Levi Pelepasan 2019.
 - c) Bagi penyata yang dikemukakan sebelum tarikh terakhir pengemukaan penyata tetapi bayaran masih belum dibayar, jika ada sebarang pindaan ke atas penyata ianya akan merujuk kepada penyata asal sehingga tempoh pengemukaan penyata berakhir. Kesalahan menghantar penyata yang tidak betul akan dikompaun dan penalti dikenakan ke atas bagi amaun yang

masih belum bayar sepertimana dinyatakan dalam seksyen 20(2) Akta Levi Pelepasan 2019.

- d) Pindaan penyata hanya dibenarkan sekali sahaja selepas tarikh akhir pengemukakan penyata dengan syarat pembayaran levi telah dibuat.
- e) Jika orang berdaftar telah menghantar penyata dan bayaran telah dibuat sepenuhnya dan didapati terdapat kesilapan bayaran yang mana terlebih bayar, disyorkan orang berdaftar mohon pulang balik di dalam sistem MyDLv.

*Nota : Sekiranya penyata masih berstatus draft (*saved*) orang berdaftar tidak perlu membuat pindaan tetapi hanya perlu klik butang edit untuk membuat pembetulan. Pindaan penyata (*amendment*) hanya berlaku apabila penyata telah selesai dikemukakan (*submitted*).

Contoh 3

Tempoh Penyata Semasa:

<i>Tempoh penyata</i>	<i>Januari 2020</i>
<i>Tarikh akhir hantar penyata</i>	<i>29 Februari 2020</i>
<i>Pembetulan kali pertama ke atas penyata</i>	<i>2 Mac 2020</i>
<i>Pembetulan kali kedua ke atas penyata</i>	<i>5 Mac 2020</i>

Pembetulan ke atas penyata pada 2 Mac 2020 dan 5 Mac 2020 masih dibenarkan kerana ianya terhad sebanyak 2 kali selepas tarikh akhir hantar penyata.

PEMBAYARAN LEVI PELEPASAN, PENALTI, KOMPAUN DAN LAIN-LAIN PEMBAYARAN

24. Setiap orang berdaftar yang dikehendaki untuk mengemukakan penyata DL-02 di bawah subseksyen 19 (1)(b), Akta Levi Pelepasan 2019 hendaklah membayar kepada Ketua Pengarah amaun levi yang genap masa dan kena dibayar olehnya mengikut tempoh penyata tidak lewat daripada hari terakhir untuk mengemukakan penyata DL-02.
25. Mengikut subseksyen 20(3), Akta Levi Pelepasan 2019 adalah menjadi suatu kesalahan bagi orang berdaftar yang **gagal membayar** kepada Ketua Pengarah amaun levi pelepasan yang genap masa dan kena dibayar di bawah subseksyen 20(1), Akta Levi Pelepasan 2019. Apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.
26. Mengikut subseksyen 20(2) Akta Levi Pelepasan 2019, kegagalan membayar amaun levi pelepasan yang kena dibayar dalam tempoh yang ditetapkan boleh dikenakan penalti 40% maksimum dari jumlah levi pelepasan yang genap masa dan kena dibayar.
27. Tindakan pendakwaan bagi kesalahan kegagalan membuat pembayaran mengikut subseksyen 21(1) boleh dibuat selepas tamat tempoh pengenaan penalti sebanyak 40%. Jika penalti telah dibayar sepenuhnya, tiada tindakan pendakwaan dikenakan kepada pengendali.
28. Pembayaran levi pelepasan, penalti dan caj lain dianggap telah dibayar apabila diterima oleh Ketua Pengarah dengan syarat :
 - i. jika pembayaran dibuat melalui perkhidmatan perbankan elektronik kepada sesebuah bank, amaun itu hendaklah disifatkan tidak diterima sehingga amaun itu dimasukkan untuk dikreditkan kepada Ketua Pengarah.

- ii. amaun bayaran dianggap telah diterima oleh Ketua Pengarah apabila sistem telah merekodkan tarikh penerimaannya dan notis pengesahan penerimaan dihantar kepada orang berdaftar.
29. Pembayaran levi pelepasan, penalti dan kompaun dibayar melalui atas talian dengan menggunakan FPX melalui Portal MyDLv.

KUASA MENTAKSIR

30. Ketua Pengarah di bawah seksyen 22, Akta Levi Pelepasan 2019 boleh membuat taksiran levi mengikut pertimbangan terbaiknya amaun levi yang genap masa dan kena dibayar oleh orang berdaftar sekiranya pembayar levi **gagal** mengemukakan penyata di bawah seksyen 19, Akta Levi Pelepasan 2019.
31. Ketua Pengarah boleh mengikut budi bicaranya mentaksir suatu amaun levi yang lebih tinggi, jika :
 - i. Mana-mana pengendali atau ejen tidak memohon bagi pendaftaran;
 - ii. Mana-mana orang berdaftar tidak mengemukakan suatu penyata; atau
 - iii. Mana-mana orang berdaftar mengemukakan suatu penyata yang didapati oleh Ketua Pengarah tidak lengkap atau tidak betul.
32. Amaun levi pelepasan yang telah ditaksir oleh Ketua Pengarah dan telah memaklumkan kepada pengendali atau orang berdaftar adalah disifatkan sebagai syu amaun levi yang genap masanya. Oleh itu, pengendali hendaklah membayar suatu amaun levi pelepasan yang genap masa dan kena dibayar.

33. Ketua Pengarah boleh membuat **apa-apa perubahan** atau **tambahan** kepada taksiran yang dibuat sebagaimana yang difikirkannya patut untuk memastikan kesahihan sesuatu taksiran itu.

KOMPAUN

34. Pengendali atau orang berdaftar boleh dikompaun ke atas apa-apa kesalahan yang ditetapkan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan sebagai suatu kesalahan yang boleh kompaun.
35. Kesalahan ini boleh dikenakan kompaun suatu amaun wang yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada amaun denda maksimum yang mana orang berdaftar atau pengendali itu boleh dikenakan jika telah disabitkan atas kesalahan itu.

PENALTI LEWAT BAYAR

36. Kegagalan orang berdaftar membayar amaun levi yang genap masa dan kena dibayar dalam tempoh yang telah ditetapkan akan dikenakan penalti di bawah seksyen 20(2), Akta Levi Pelepasan 2019. Kadar pengiraan penalti adalah berdasarkan bilangan hari levi gagal dibayar.
- i. Bagi tempoh 30 hari pertama levi pelepasan itu gagal dibayar secara keseluruhannya atau sebahagiannya, suatu penalti sebanyak 10% daripada amaun levi pelepasan itu yang masih belum dibayar;
 - ii. Bagi tempoh 30 hari kedua yang levi pelepasan itu masih tidak dibayar secara keseluruhannya atau sebahagiannya, suatu penalti tambahan sebanyak 15% daripada amaun levi pelepasan itu yang masih belum dibayar;
 - iii. Bagi tempoh 30 hari ketiga yang levi pelepasan itu masih tidak dibayar secara keseluruhannya atau sebahagiannya, suatu penalti tambahan

sebanyak 15% daripada amaun levi pelepasan itu yang masih belum dibayar;

BILANGAN HARI GAGAL/LEWAT BAYAR LEVI (HARI)	KADAR PENALTI (%)
1 – 30	10
31 - 60	15
61 – 90	15

Contoh 4

Uthman Airlines adalah pengendali yang berdaftar di bawah Akta Levi Pelepasan 2019 dan telah menghantar tempoh penyata pada 1 September hingga 30 September 2019. Tarikh terakhir pengikraran dan pembayaran penyata tersebut adalah sebelum 31 Oktober 2019. Pihak syarikat telah membayar Levi Pelepasan sebanyak RM400,000 pada 20 Januari 2020. Oleh demikian, syarikat ini tertakluk kepada penalti seperti berikut:

<i>Levi Pelepasan kena dibayar sebelum</i>	<i>31 Oktober 2019</i>
<i>Bilangan 30 hari pertama lewat bayar</i>	<i>10% penalti</i>
<i>Bilangan 30 hari kedua lewat bayar</i>	<i>15% penalti tambahan</i>
<i>Bilangan 20 hari ketiga berikutnya lewat bayar</i>	<i>15% penalti tambahan</i>
<i>Penalti dikenakan(RM400,000 x 10%)</i>	<i>RM 40,000</i>
<i>Penalti dikenakan(RM400,000 x 15%)</i>	<i>RM 60,000</i>
<i>Penalti dikenakan(RM400,000 x 15%)</i>	<i>RM 60,000</i>
<i>Jumlah Penalti Yang Kena Dibayar</i>	<i>RM 160,000</i>

SOALAN LAZIM

S1: Bagaimanakah cara-cara mengemukakan penyata DL-02

J1: Orang berdaftar perlu mengemukakan penyata melalui Portal MyDLv secara atas talian.

S2: Bolehkah orang berdaftar menghantar penyata secara sendiri dan membuat pembayaran Levi Pelepasan di Pejabat Kastam Negeri?

J2: Tidak boleh. Kaedah penghantaran penyata seperti dijelaskan di J.1. Pembayaran Levi Pelepasan tidak boleh dibuat di Pejabat Kastam Negeri. Kaedah pembayaran Levi Pelepasan yang dibenarkan iaitu melalui:
a. Pembayaran Atas Talian menggunakan FPX di Portal MyDLv

S3: Bilakah tarikh akhir penghantaran penyata DL-02 dan pembayaran ?

J3: Orang berdaftar perlu menghantar penyata DL-02 dan membuat pembayaran levi selewat-lewatnya pada hari terakhir bulan berikutnya selepas berakhirnya tempoh levi tersebut. Contoh : Bagi tempoh bercukai 1 Disember 2019 sehingga 31 Disember 2019, hari terakhir untuk mengemukakan penyata dan membuat pembayaran Levi Pelepasan adalah pada 31 Januari 2019.

S4: Orang berdaftar telah tersilap ikrar didalam penyata DL-02, bolehkah orang berdaftar meminda semula penyata DL-02 yang telah dihantar?

J4: Orang berdaftar perlu membuat pindaan didalam sistem MyDLv mereka dengan memilih pautan pinda (*amend*) pada penyata DL-02 yang telah dihantar. Pindaan yang menyebabkan pengurangan pada amaun levi pelepasan kena dibayar adalah tertakluk kepada verifikasi dan kelulusan Pegawai Kanan Kastam Levi Pelepasan.

S5: Sekiranya orang berdaftar membuat pindaan ke atas penyata selepas tarikh akhir kemuka penyata, bilakah penyata dianggap diterima?

J5: Tarikh penghantaran penyata terdahulu dikira sebagai tarikh penyata diterima.

S6: Bagaimanakah orang berdaftar boleh memohon lanjutan masa bagi penghantaran penyata DL-02 dan pembayaran Levi Pelepasan?

- J6: Tiada peruntukan didalam Akta Levi Pelepasan 2019 bagi melanjutkan masa penghantaran penyata dan pembayaran Levi Pelepasan.
- S7: Bilakah penyata DL-02 yang dihantar oleh orang berdaftar dianggap telah diterima?**
- J7: Penyata DL-02 yang dikemukakan di atas talian adalah dianggap telah diterima oleh Ketua Pengarah apabila sistem telah merekodkan tarikh penerimaannya dan notis pengesahan dihantar kepada orang berdaftar.

MAKLUM BALAS DAN PERTANYAAN

1. Sebarang maklum balas dan pertanyaan hendaklah dihantar ke:
 - a) Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Unit Levi Pelepasan, Bahagian Perkastaman
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 3, Persiaran Perdana, Presint 2
62595 Putrajaya.
Emel: enquiry.mydlv@customs.gov.my.

MAKLUMAT LANJUT

2. Maklumat lanjut boleh diperolehi daripada:
 - a) Laman Web Levi Pelepasan : www.mydlv.customs.gov.my
 - b) Pusat Panggilan Kastam :
Tel : 1-300-888-500
Faks : 03- 7806 7599
E-mel : ccc@customs.gov.my